



KENYATAAN BERSAMA • 26 OGOS 2022

### Pelaksanaan Jangka Panjang Kertas Putih Kesihatan

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) mengalu-alukan usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Menteri Kesihatan (YMBK) dalam reformasi sistem kesihatan Malaysia. Kertas Putih Kesihatan (KPS) merupakan fokus semasa Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan 2022 (15-16 Ogos 2022) dan akan dibentangkan di Parlimen pada Nov/Dec 2022.

MHC bersetuju dengan kesemua strategi dan prinsip yang dinyatakan semasa Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan 2022. Kami ingin mengetengahkan tiga isu penting dalam menghasilkan KPS yang menyeluruh dan berkesan.

**1. Semua kementerian perlu komited dalam 'Health in All Policies'.**

Kami menyambut baik seruan YMBK untuk mengubah fokus sistem kesihatan daripada proses penyembuhan kepada pencegahan penyakit. Namun demikian, beban untuk membentuk komuniti yang sihat secara proaktif tidak wajar ditanggung oleh satu kementerian sahaja. KPS yang dirangka memerlukan pendekatan polisi untuk semua kementerian agar kesihatan Rakyat diutamakan. Ini selari dengan misi KPS untuk menstruktur semula sistem pembiayaan kesihatan serta penentu-penentu sosial, persekitaran, pendidikan dan ekonomi yang mempengaruhi kesihatan. Kami menggesa kementerian-kementerian yang berkaitan untuk turut menunjukkan komitmen yang jitu dalam mencapai konsep 'Health in All Policies'.

**2. Pengurusan sumber manusia yang berkesan untuk sistem kesihatan yang mampan.**

Pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam adalah penting untuk perkhidmatan kesihatan yang berkesan. Meskipun kami menyambut baik pengumuman pelantikan lebih 4000 jawatan tetap pada [16 Ogos 2022](#), kami percaya bahawa masalah ini perlu ditangani di peringkat akar umbi. KPS harus membantu memperkasakan proses pengambilan tenaga kerja termasuk di peringkat pasca-siswazah. Selain itu, KPS juga perlu menambahbaik kebajikan dan situasi perkhidmatan semua pekerja kesihatan. Ini termasuk penyemakan semula gaji, perkongsian beban kerja secara adil serta budaya kerja yang selamat dan bebas gejala buli.

**3. Badan pelaksana yang berkesan mesti dilantik.**

Kami mengalu-alukan kenyataan YMBK berkenaan keperluan untuk menilai semula fungsi KKM dalam sistem kesihatan awam. Oleh sebab itu, pelantikan badan pelaksana yang berkesan adalah diperlukan untuk memastikan pelaksanaan KPS berjalan lancar. Kami menyambut baik idea KKM untuk menubuhkan Suruhanjaya Pembaharuan Kesihatan, selari dengan prinsip yang dibentangkan dalam kenyataan bersama kami yang lalu ([12 Julai 2022](#)). Suruhanjaya yang bersifat bebas akan menyelaraskan pengukuhan sistem kesihatan jangka masa panjang tanpa mengira peralihan politik.

Malaysia perlu menggunakan peluang dan iltizam politik sedia ada untuk memacu usaha reformasi sistem kesihatan. Kami menyokong usaha KKM dalam melaksanakan KPS secara strategik dalam membina sistem kesihatan yang proaktif, dan berikrar untuk menyokong KKM dalam usaha tersebut.

### **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.**

**Gabungan Kesihatan Malaysia** (*Senarai tandatangan penuh di [myhealthcoalition.org](http://myhealthcoalition.org)*)

26 OGOS 2022

## **Senarai tandatangan:**

### **Persatuan**

1. Association of Malaysian Optometrists
2. Asthma Malaysia
3. Dermatology Society of Malaysia
4. IKRAM Health Malaysia
5. Islamic Medical Association of Malaysia
6. Lung Cancer Network of Malaysia
7. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
8. Malaysian Association of Clinical Biochemists
9. Malaysian Association of Dental Public Health Specialists
10. Malaysian Association of Speech-Language & Hearing
11. Malaysian Coalition on Ageing
12. Malaysian Dental Association
13. Malaysian Paediatric Association
14. Malaysian Pharmacists Society
15. Malaysian Society of Anaesthesiologists
16. Malaysian Society of Clinical Psychology
17. Malaysian Society of Geriatric Medicine
18. Malaysian Society of Occupational Safety and Health
19. Malaysian Thoracic Society
20. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
21. MedTweetMy
22. National Cancer Society of Malaysia
23. Perinatal Society of Malaysia
24. Public Health Malaysia

### **Individu**

1. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
2. Dato' Dr Amar Singh-HSS
3. Dato' Dr Jahizah Hassan
4. Dr Khor Swee Kheng
5. Prof Dr Mohd Zamrin Dimon
6. Prof Dr Roslina Abdul Manap
7. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy